

30 SEP 2000

PERSIDANGAN-RENCAH

Para wartawan Malaysia yang membuat liputan Persidangan Antarabangsa mengenai Bimbingan Haji di sini terkejut apabila mereka ditawarkan peluang untuk melawat kemudahan haji di Arab Saudi.

Tawaran itu dibuat oleh Menteri Haji Arab Saudi Dr Iyad Ameen Madani semasa persidangan media pada Jumaat.

Kira-kira 20 wartawan dan krew media dari pertubuhan media tempatan adalah mereka yang bernasib baik dipilih bagi lawatan selama seminggu itu yang bermula Rabu.

Tiga pelajar dan seorang pensyarah Universiti Islam Antarabangsa (UIA) membantu dalam kerja-kerja terjemahan ke dalam Bahasa Arab, Perancis dan Inggeris pada persidangan itu.

Terjemahan perlu kerana kebanyakan daripada 150 anggota perwakilan dari 542 negara ialah dari negara-negara yang bertutur bahasa Arab sementara yang lain ialah dari negara-negara yang bertutur bahasa Perancis dan Inggeris.

Para pelajar itu ialah Brima Sylla, 34, dari Liberia, Abdul Rahman Abdullah Khalid, 26, dari Kenya, dan Soufian Boureja, 26, dari Algeria sementara pensyarah berkenaan ialah Dr Omar Jah, 34, dari Gambia.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merasmikan persidangan itu hari ini.

Kira-kira 40 wartawan dan krew televisyen dari negara-negara Arab membuat liputan persidangan itu.

Bersama media tempatan, bilangan wartawan yang berdaftar di pusat media ialah kira-kira 300 orang.

Menurut seorang kakitangan Bernama, yang mengendalikan pusat itu, bilangan itu termasuk wartawan pertubuhan media asing yang berpusat di Kuala Lumpur.

-- BERNAMA
MNY MAM FAZ